



Kemala Indonesia

Bentuk Aktiviti Dakwah Sahabat YADIM Kepada Mahasiswa UKM

Airna Azzeta Abdullah¹, Fariza Md Sham²

Jabatan Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia.
43600, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
E-mail :que_yus@yahoo.com

Institut Islam Hadhari
Kompleks Tun Abdullah Mohd Salleh
Universiti Kebangsaan Malaysia.
43600, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
E-mail :abrm@ukm.edu.my

Abstrak– YADIM merupakan antara organisasi yang ditubuhkan untuk mengislahkan masyarakat ke arah membina kehidupan yang lebih baik berteraskan ajaran Islam yang suci. Sebagai salah satu agen penggerak dakwah di negara ini, YADIM telah memainkan peranan penting dengan memperkenalkan Pelan Pembangunan Pimpinan Muda Islam (KEMUDA) menerusi modul dakwah dan kepimpinan Islam untuk menarik minat mahasiswa. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji aktiviti dakwah sahabat YADIM kepada Mahasiswa UKM melalui program KEMUDA. Perbincangan kajian ini meliputi bentuk aktiviti dakwah yang telah digunakan sepanjang program dijalankan. Data diperolehi daripada borang soal selidik. Sejumlah 147 orang mahasiswa daripada pelbagai fakulti UKM yang menganggotai sahabat YADIM telah dipilih secara rawak mudah sebagai responden kajian. Pengumpulan data melalui instrumen borang soal selidik telah diproses dalam perisian komputer Statistical Package for Social Science (SPSS) 22.0. Penganalisan data adalah secara deskriptif berdasarkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati bentuk aktiviti dakwah YADIM berjaya menarik perhatian mahasiswa kepada aktiviti dakwah. Oleh itu, Kajian ini merupakan prakarsa yang pragmatik untuk diketahui dalam usaha penambahbaikan bagi memantapkan program dakwah KEMUDA pada masa hadapan.

Kata kunci: Dakwah KEMUDA, Sahabat Yadim, Mahasiswa

I. Pendahuluan

Era globalisasi ini, peranan mahasiswa dianggap sebagai agen perubahan yang bertindak sebagai kelompok intelektual ke arah gerakan pembaharuan. Golongan mahasiswa merupakan kumpulan sasaran yang berperanan menjayakan wawasan 2020 (Hamidah Ab.Rahman, 2004). Menyadari pentingnya pembangunan generasi muda Islam pada masa kini, satu perancangan yang mantap telah disusun oleh Sahabat YADIM melibatkan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara termasuk mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Menurut Pengurus Eksekutif Bahagian Kepimpinan Muda YADIM (KEMUDA) Zamani Karulani, Sahabat YADIM adalah satu platform naungan YADIM bagi mahasiswa Islam membina Ilmu dan kemahiran diri bagi menjana kepimpinan masa depan negara yang beridealisme Islam dan bersahsiah mulia. Visi utama Sahabat YADIM adalah untuk melahirkan barisan pemimpin pelapis masa hadapan yang beridealisme Islam dan berjiwa dakwah yang kental apabila berada dalam kalangan masyarakat yang pelbagai agama dan budaya (Buletin YADIM- Busyra, 2015).

Proses pendidikan sebegini turut disokong oleh Abdul Halim Mat Diah (1989) dimana proses yang dilalui oleh anak didik dengan bimbingan pendidik yang sengaja dilakukan bagi tujuan membentuk individu muslim dengan ajaran islam. Mahasiswa sebagai kelompok intelektual dan sebagai agen gerakan pembaharuan generasi muda Namun, bergelar seorang mahasiswa bukanlah perkara yang mudah bagi mereka untuk melalui dan menempuh segala cabaran dan anasir negatif yang semakin melanda di negara kita (Rosmida,1999). Mahasiswa UKM mempunyai konflik peribadi tersendiri dan mudah terpengaruh kepada persekitaran seperti rakan-rakan, perkumpulan mahupun persatuan. Selama ini mahasiswa dibiarkan bertindak sendirian, tetapi pada waktu yang sama golongan ini mencari idola dalam kehidupan (Fariza, 2013).

Hakikatnya, mereka memerlukan pimpinan daripada pensyarah dan model ikutan yang baik agar tidak berkeadaan ibarat aforisme Melayu "*Bagai layang-layang terputus talinya*". Walaupun pelajar didedahkan dengan keilmuan dan kepakaran tinggi dalam pelbagai bidang dan kemahiran di universiti, tetapi mahasiswa perlu menjadi insan seimbang, pemimpin berjiwa rakyat dan bukan menjadi *ulat buku* atau mendapat keputusan cemerlang dalam akademik semata-mata (Abdul Rahman, 2006). Kemodenan yang semakin meniti dalam kehidupan memperlihatkan bukan sekadar kecanggihan teknologi, malah pengaruh budaya Barat yang tidak tersekat telah meracuni pemikiran golongan belia dan mahasiswa (Mohamad Zaki,2004). Segelintir pelajar berfikir hedonisme dengan bersikap mudah meniru budaya asing tanpa menyedari risikonya seperti pergaulan bebas, homoseksual, penyalahgunaan dadah dan lumba haram. Kemelut kebejatan gejala sosial dan hiburan yang melampau menambahkan permasalahan mahasiswa.

Tragedi kematian beberapa orang mahasiswa IPTA/IPTS di konsert muzik alternatif di Bukit Jalil wajar dijadikan teladan kepada seluruh rakyat Malaysia agar *nasi tidak menjadi bubur*. Pelajar menjadi lupa diri dengan mengambil pil khayal untuk berhibur dan terkesima dengan jurnal muzik barat (Berita Harian, Apr 2014). Keterujaan pelajar mencuba pelbagai bahan larangan seperti rokok, dadah dan *vape* menyebabkan permasalahan disiplin bertambah di universiti dan kolej. Pengaruh sebegini membimbangkan dan mempengaruhi jati diri mahasiswa beragama Islam (Norsiah Sulaiman, 2004). Hakikatnya menurut Sufean Hussin (2002), Hashim Yaacob dan Aziah Ismail (2008) universiti memainkan peranan penting dalam membekalkan sumber yang diperlukan oleh kerajaan dalam membangunkan negara seperti sumber manusia dan inovasi ilmu pengetahuan melalui penyelidikan. Oleh yang demikian, Sahabat YADIM mengambil tanggungjawab meneruskan kelangsungan agenda Islam kepada generasi muda dan dibentuk dengan acuan yang sepatutnya agar negara kelak dipimpin oleh individu yang berjiwa Islam dan melaksanakan perintah Allah dalam kalangan mahasiswa. Mahasiswa UKM diharapkan mampu memberi manfaat kepada masyarakat setelah selesai belajar bukan menambahkan kemelut dalam negara. (Buletin Busyra-YADIM, 2015).

Intihanya, prakarsa ini bertujuan untuk menangani isu kepimpinan dalam kalangan generasi muda mahasiswa secara holistik. Hakikatnya, YADIM berusaha untuk melahirkan kepimpinan mahasiswa terutama di UKM agar dapat melahirkan generasi pemimpin yang mempunyai minda kelas pertama disamping memiliki keperibadian yang tinggi seperti yang digariskan dalam ajaran Islam.

II. Reka Bentuk Kajian

Kajian tinjauan ini melibatkan 147 orang mahasiswa UKM yang telah dipilih sebagai persempelan rawak mudah sebagai responden kajian. Jumlah ini diambil daripada populasi keseluruhan iaitu 200 ahli Sahabat YADIM UKM. Kajian ini menggunakan soal selidik yang bertujuan untuk melihat aktiviti dakwah Sahabat YADIM yang telah dijalankan ke atas mahasiswa UKM. Kajian yang diketengahkan seiring dengan kajian tentang pelaksanaan program dakwah jabatan pendidikan Selangor oleh Mohamad Zaki Hamid (2009). Beliau menggunakan 2 set soalan untuk guru dan pelajar .

Terdapat 3 bahagian soalan iaitu berkaitan profil responden, sikap responden terhadap aktiviti dakwah serta masalah mengikuti program dakwah. Kajian yang sama dilakukan oleh Muhammad Hashim (2013) berkaitan aktiviti dakwah terhadap saudara baru di JAWI. Mohd Sabri Ismail (2009) turut mengkaji di dalam kajian PhD beliau iaitu metodologi dakwah kepada saudara baru di PERKIM Kelantan dan keberkesanannya. Ahmad Sahlan Abdul Hatim dan Rosmawati Mohamad Rasit (2015) tidak terkecuali melaksanakan kajian berkaitan hubungan pelaksanaan aktiviti dakwah melalui kesenian terhadap penerapan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar sekolah.

Soal selidik dalam kajian ini mengandungi empat bahagian utama iaitu demografi, bentuk aktiviti, pendekatan dakwah, keberkesanan dakwah dan permasalahan mahasiswa mengikuti program KEMUDA sahabat YADIM. Kajian ini hanya membincangkan bentuk aktiviti dakwah dari bahagian A. Soal selidik telah diuji melalui ujian kesahan kandungan, kesahan kandungan, kesahan dan kajian rintis yang telah dilakukan terhadap 30 orang mahasiswa dari universiti yang lain. Kebolehpercayaan instrumen kajian ini menggunakan pengukuran kaedah konsistensi dalaman (internal consistency approach) dengan menggunakan cara mengira pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach. Nilai pekali kebolehpercayaan Alfa Cronbach ialah 0.919. Nilai kebolehpercayaan ini tinggi dan memuaskan. Korelasi yang tinggi menunjukkan bahawa item ini sangat sesuai digunakan dalam instrumen kajian.

III. Analisis Data

Kaedah statistik deskriptif digunakan bagi menganalisis data kajian. Dalam kajian ini, dapatan kajian daripada soal selidik dijelaskan dalam bentuk jadual bersama huraian kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Analisis data yang diperoleh adalah hasil daripada edaran borang soal selidik yang telah melalui proses penganalisan data menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* yang dianalisis secara deskriptif. Bagi mengetahui tahap nilai min, pengkaji membahagikan dan menginterpretasikan skor min kepada tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Skor min 1.00 hingga 2.00 menunjukkan di tahap yang rendah, skor 2.01 hingga 3.00 menunjukkan di tahap sederhana manakala 3.01 hingga 4.00 menunjukkan di tahap yang tinggi. Kesemua nilai min menunjukkan nilai yang tinggi iaitu antara 3.00 – 4.00.

IV. Perbincangan Hasil Kajian

4.1. Latar Belakang Responden

Jadual 1 menunjukkan bahawa daripada 147 orang responden yang dipilih, terdapat seramai 24 orang (16.3%) responden lelaki dan perempuan seramai 123 orang (83.7%). Dapatan menunjukkan mahasiswa perempuan melebihi daripada lelaki kerana penuntut wanita di UKM lebih ramai berbanding penuntut lelaki. Isu keanggotaan ini menjadi kurang seimbang kerana pada dasarnya KEMUDA bertujuan untuk melahirkan barisan kepimpinan lelaki pada masa hadapan. Umur responden dibahagikan kepada dua peringkat. Jadual 2 menunjukkan responden dalam kajian paling ramai berumur 20 hingga 24 sebanyak 141 orang (95.9%) diikuti 25 hingga 27 tahun seramai 6 orang (4.1%). Sampel kajian ini terdiri daripada 147 orang pelajar yang berlainan tahun pengajian di UKM dalam pelbagai jabatan. Hasil kajian menunjukkan pelajar dari FPI seramai 120 orang (82.2%) mengatasi pelajar dari fakulti lain di UKM. Paling sedikit seorang (0.7%) dari Fakulti pendidikan. Faktor jurang perbezaan penglibatan antara pelajar fakulti Islam dan lain juga turut disebabkan pelajar kurang berminat dengan aktiviti dakwah, kesibukan kuliah dan gemar bersosial dengan rakan. Pelajar yang paling senior berumur antara 25 hingga 27. Manakala yang junior berumur 20 tahun hingga 24 tahun. Keadaan ini berlaku kerana matlamat KEMUDA ingin mencari pelapis daripada kalangan pelajar yang baru mendaftar di universiti pada tahun 1. Mereka akan mendapat pengisian latihan secara berkala bermula dari tahun 1 hingga tahun akhir. Keperluan latihan ini dapat melahirkan bakat kepimpinan di peringkat universiti dan mempunyai jati diri apabila tamat pengajian. Status pelajar bujang mengatasi yang berkahwin iaitu 142 orang (96.6%) manakala berkahwin hanya seramai 5 orang (3.4%). Keadaan ini menunjukkan bahawa mahasiswa yang belum berkahwin sangat meminati program sebegini bersesuaian sifat ingin mencari pengalaman baharu, mencari kawan dan pengaruh dalam mengejar cita-cita sebagai pemimpin. Selain itu, jadual 2 turut menunjukkan tahap pekerjaan ibubapa dengan peratus tertinggi 76 orang (52.1%) bekerja sendiri dan pesara manakala 53 orang (36.1%) bekerja kerajaan dan selebihnya 17 orang (11.6%) bekerja swasta. Pekerjaan ibubapa dapat menilai kekukuhan ekonomi mahasiswa dan status kedudukan pergaulan dalam masyarakat. Kemampuan gaji yang tinggi menjadikan keupayaan pelajar untuk berbelanja melebihi rakan yang berpendapatan sederhana atau miskin. Di samping itu, jadual 2 menunjukkan bahawa taraf pendidikan agama responden paling tinggi adalah STPM/STAM 76 orang (52.1%), Diploma 34 orang (23.3%), ijazah 13 orang (8.9%), asasi/matrik 12 orang (8.2%), SPM 8 orang (5.5%) dan lain-lain 3 orang (2%). Tahap pendidikan agama dapat membezakan pandangan dan pemikiran beragama dalam kalangan mahasiswa. Sesuatu tindakan baik atau buruk sepanjang berada di IPTA/IPTS mencerminkan latar belakang pendidikan agama yang diterima di tempat lain.

Jadual 1, Kekerapan dan Peratusan latar belakang responden		
Skala Pengukuran	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	24	16.3
Perempuan	123	83.7
Umur		
20 tahun – 24 tahun	141	95.9
25 tahun - 27 tahun	6	4.1
Status		
Bujang	142	96.6
Berkahwin	5	3.4
Jabatan/Pengajian		
(FTSM)	2	1.4
(FEP)	8	5.5
(FST)	7	4.8
(FSSK)	4	2.8
(FKAB)	3	2.1
(FPI)	120	82.2

(FPEND)	1	0.7
(FUU)	2	1.4
Sektor Pekerjaan Ibumaba		
Kerajaan	53	36.1
Swasta	17	11.6
Sendiri/pesara	76	52.1
Tahap pendidikan Agama		
SPM	8	5.5
STPM/ STAM	76	52.1
ASASI/MATRIK	12	8.2
DIPLOMA	34	23.3
IJAZAH	13	8.9
Lain-lain	3	2.0

Sumber : Soal Selidik 2015

4. 2. Analisis Bentuk Aktiviti KEMUDA

Berdasarkan Jadual 2, hasil kajian menunjukkan bahawa semua aktiviti dakwah yang dijalankan oleh KEMUDA mencapai tahap yang memuaskan. Hal ini dibuktikan dengan skor min setiap aktiviti dakwah yang dijalankan kepada mahasiswa UKM mencapai skor (3.80 - 4.24) iaitu interpretasi yang tinggi. Menurut Zainab (2010) kaedah dakwah yang berkesan ialah memberi bimbingan yang bersifat proaktif iaitu dengan kaedah *al-maw'izah al-hasanah* dan mengajar tindakan yang bersifat preventif iaitu dengan kaedah *al-hikmah*.

Item A1 iaitu program wacana ilmu KEMUDA mampu mempertingkatkan ilmu mahasiswa tentang agama. Ini dibuktikan apabila seramai (55.8%) responden bersetuju dan (18.4%) sangat bersetuju. Berdasarkan kajian Zaharah (2005), masih ramai lagi pelajar Islam yang tidak menunaikan shalat, sangat jarang membaca al-Quran dan sejumlah kecil sahaja yang menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup mereka. Selain itu, kajian ini menunjukkan responden bersetuju bahawa Item A2 iaitu Program Sukarelawan Mahasiswa bersama masyarakat adalah salah satu cara dakwah *bil-Hal Sahabat YADIM*. Ini dibuktikan dengan skor responden (57.8%) bersetuju dan (34.7%) sangat bersetuju. Hal ini bersesuaian dengan kajian Hamidah et al. (2004) yang menyatakan bahawa pada peringkat ini, penglibatan mahasiswa dilihat sebagai golongan yang kritis dan mampu melakukan tugas luar dari bidang akademik yang diceburi.

Dengan kata lain, mereka seharusnya perlu melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan atau dakwah serta cakna dengan isu-isu semasa yang melibatkan perihal Islam untuk menjadi insan prihatin. Item A3 iaitu program usrah berjaya mendekatkan mahasiswa dengan ilmu Islam dan bersilaturahim dengan skor peratusan (51%) bersetuju dan (38.1%) sangat bersetuju. Hal ini bersesuaian dengan kajian Mohd Nor (2014) yang menyatakan bahawa pelbagai bentuk dakwah secara lisan dapat digunakan sebagai pendekatan dakwah efektif dan dapat mendekati sasaran dengan mudah sama ada melalui ceramah agama dan usrah. Malah, Zulkefli dan S.Salahudin (2012) turut berpendapat dalam kajian mereka bahawa apabila seseorang itu berkomunikasi secara verbal untuk menyampaikan mesej Islam, dia akan menggunakan medium tertentu untuk bercakap. Item A6 iaitu Program Mukhyam Sahabat YADIM berjaya membina ukhwa dan kasih sayang dalam diri Mahasiswa berdasarkan skor setuju (55.1%) dan (28.6%) sangat bersetuju.

Selain itu, item A12 menunjukkan bahawa Masjid dijadikan lokasi menyatukan mahasiswa dengan masyarakat setempat menerusi program pengimarahkan dan pentarbiyahan dengan skor setuju (49.7%) setuju dan (38.8%) sangat bersetuju. Ini membuktikan bahawa masjid bukan sahaja berfungsi sebagai pusat ibadat tetapi turut berperanan sebagai pusat penyebaran dakwah yang berkesan, tempat penyebaran maklumat dan telekomunikasi yang canggih dalam masyarakat Islam di peringkat tempatan dan antarabangsa, tempat pemupukan semangat kejiranan dan pusat kebajikan masyarakat Islam (Zulkefli, 2004).

Empat jenis item berbentuk latihan '*outdoor*' menunjukkan Program Sukarelawan Mahasiswa bersama masyarakat adalah salah satu cara dakwah *bil-Hal Sahabat YADIM* dengan skor sebanyak (57.8%) responden bersetuju dan (34.7%) sangat bersetuju. Program Outreach adalah program dakwah lapangan yang sangat santai dan memberi keinsafan kepada mahasiswa dengan skor (52.4%) bersetuju dan (23.1%) sangat setuju. Kem Daie Muda Matrikulasi berjaya memperkasakan bakat dan kepimpinan para pelajar hingga menyambung pengajian ke luar dan dalam negeri dengan skor (55.1%) setuju dan (28.6%) sangat setuju. Selain itu, Latihan Fasilitator (TOT) adalah bertujuan untuk melatih kemahiran kefasilitatoran dan pengurusan program dalam diri mahasiswa dengan skor (58.5%) setuju dan (32.7%) sangat setuju. Kesemua aktiviti dakwah berbentuk *outdoor* ini menunjukkan skor yang tinggi dan mencapai matlamat program KEMUDA.

Bersesuaian dengan kajian Nabilah Hashim (2004), yang menyatakan pelajar yang mendapat pencapaian akademik yang baik adalah mereka yang mengamalkan pembelajaran yang aktif di dalam dan di luar kelas manakala pelajar yang mendapat pencapaian akademik yang rendah adalah mereka yang mengamalkan pembelajaran yang pasif. Jadi, hasil kajian menunjukkan bahawa mereka yang mengamalkan pembelajaran yang aktif ialah mereka

yang mempunyai tahap motivasi yang tinggi manakala mereka yang mengamalkan pembelajaran yang pasif ialah mereka yang mempunyai tahap motivasi yang rendah atau tidak bermotivasi. Item A4 iaitu berbentuk kepimpinan yang mengandungi Program Qiyadi telah berjaya melatih mahasiswa menjadi seorang pendakwah dan berkemahiran sebagai pemimpin dengan skor (55.8%) setuju dan (29.9%) sangat setuju. Menurut Hammam (2013) antara kaedah asas berdakwah ke jalan Allah ialah seorang *da'i* berkewajipan mencapai tahap *muballigh* (penyampai risalah) dan berusaha untuk menyentuh setiap kalbu dalam penyampaian dakwah dengan menggunakan cara yang paling berkesan dan paling luas pengaruhnya dimana turut disokong oleh Bayanuni (1995). Berdasarkan item-item yang disebutkan, Program Jejak Menara berjaya menyalurkan maklumat yang tepat berkaitan kehidupan di IPTA/IPTS kepada bakal mahasiswa dengan skor (65.3%) setuju dan (21.1%) sangat setuju. Selain itu, Konvensyen Kepimpinan Muda Islam memberi peluang mahasiswa menyumbangkan idea pembangunan ummah dan membincang isu semasa negara dengan skor (63.3%) setuju dan (23.8%) sangat setuju.

Di samping itu, Kursus Induksi Majlis Pimpinan Kebangsaan (MPK) landasan terbaik untuk memantapkan perjalanan dakwah dan penambahbaikan pengurusan di peringkat Mahasiswa dalam KEMUDA dengan skor (60.5%) setuju dan (19.7%) sangat setuju. Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian mendapati semua 12 item bentuk aktiviti program KEMUDA sahabat YADIM mempunyai nilai skor min yang tinggi. Responden bersetuju dengan bentuk aktiviti bermanfaat dan santai anjuran sahabat YADIM menerusi KEMUDA. Matlamat untuk melahirkan kepimpinan Islam akan tercapai jika mengikuti keseluruhan program yang dirancang dengan baik. Ini dibuktikan dengan kajian Hussien Hj Ahmad (2015) yang menunjukkan bahawa 45.1% pelajar melayu mempunyai tahap semangat kesetiaan yang tinggi kepada negara. Tuntasnya, setiap aktiviti dakwah yang dianjurkan oleh KEMUDA bertujuan untuk menyampaikan dakwah yang berkesan secara kreatif mengikut perkembangan semasa yang bersesuaian dengan mahasiswa zaman moden kini dan mengembalikan jatidiri bangsa (Zulkefli, 2012). Bertepatan dengan Ahmad Ghalwash (1987) yang menyatakan bahawa manusia perlu didakwahkan agar mengenali aqidah, syariah dan akhlak Islamiah secara mendalam. Jelasnya persekitaran universiti merupakan elemen yang berpengaruh dalam segala aktiviti yang dilakukan. Perubahan persekitaran memberi impak kepada kemajuan tersebut (Kivinen & Rinne, 1991; Versey 1965)

Jadual 2, Bentuk Aktiviti Dakwah

Bil	Item	TS	KS	TP	S	SS	Min	SP
A1	Program wacana ilmu KEMUDA mampu mempertingkatkan ilmu saya tentang agama.	3 (2.0%)	1 (0.7%)	34 (23.1%)	82 (55.8%)	27 (18.4%)	3.87	0.78
A2	Program Sukarelawan Mahasiswa bersama masyarakat adalah salah satu cara dakwah bil-Hal Sahabat YADIM.	1 (0.7%)	2 (1.4%)	8 (5.4%)	85 (57.8%)	51 (34.7%)	4.24	0.67
A3	Program usrah berjaya mendekati mahasiswa dengan ilmu Islam dan bersilaturahim.	1 (0.7%)	4 (2.7%)	11 (7.5%)	75 (51.0%)	56 (38.1%)	4.23	0.75
A4	Program Qiyadi melatih mahasiswa menjadi seorang pendakwah dan berkemahiran sebagai pemimpin.	2 (1.4%)	1 (0.7%)	18 (12.2%)	82 (55.8%)	44 (29.9%)	4.12	0.74
A5	Program Outreach adalah program dakwah lapangan yang sangat santai dan memberi keinsafan kepada mahasiswa.	2 (1.4%)	1 (0.7%)	33 (22.4%)	77 (52.4%)	34 (23.1%)	3.95	0.77
A6	Program Mukhayyam Sahabat YADIM berjaya membina ukhwwah dan kasih sayang dalam diri Mahasiswa.	2 (1.4%)	1 (0.7%)	21 (14.3%)	81 (55.1%)	42 (28.6%)	4.08	0.75
A7	Program Jejak Menara berjaya menyalurkan maklumat yang tepat berkaitan kehidupan di IPTA/IPTS kepada bakal mahasiswa.	2 (1.4%)	2 (1.4%)	16 (10.9%)	96 (65.3%)	31 (21.1%)	4.03	0.70
A8	Kem Da'ie Muda Matrikulasi berjaya memperkasakan bakat dan kepimpinan para pelajar hingga menyambung pengajian ke luar dan dalam negeri.	2 (1.4%)	4 (2.7%)	22 (15.0%)	81 (55.1%)	38 (25.9%)	4.01	0.8
A9	Latihan Fasilitator (TOT) adalah bertujuan untuk melatih kemahiran kefasilitatoran dan pengurusan program dalam diri mahasiswa.	1 (0.7%)	2 (1.4%)	10 (6.8%)	86 (58.5%)	48 (32.7%)	4.21	0.68
A10	Konvensyen Kepimpinan Muda Islam member peluang mahasiswa menyumbangkan idea pembangunan ummah dan membincang isu semasa negara.	2 (1.4%)	2 (1.4%)	15 (10.2%)	93 (63.3%)	35 (23.8%)	4.06	0.71

A11	Kursus Induksi Majlis Pimpinan Kebangsaan (MPK) landasan terbaik untuk memantapkan perjalanan dakwah dan penambahbaikan pengurusan di peringkat Mahasiswa dalam KEMUDA.	2 (1.4%)	1 (0.7%)	26 (17.7%)	89 (60.5%)	29 (19.7%)	3.96	0.72
A12	Masjid dijadikan lokasi menyatukan mahasiswa dengan masyarakat setempat menerusi program pengimarahannya dan pentarbiyahan.	1 (0.7%)	3 (2.0%)	13 (8.8%)	73 (49.7%)	57 (38.8%)	4.23	0.75

V. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan satu panduan yang signifikan kepada program KEMUDA anjuran Sahabat YADIM dan badan dakwah lain yang wujud di negara ini agar melihat dan menilai kembali setiap aktiviti yang dijalankan. Rumusnya, kajian ini dapat memberi inspirasi kepada semua badan dakwah untuk melakukan pendekatan dakwah yang sesuai dengan keadaan *mad'u* seperti yang dicontohkan dalam al-Quran sehingga kegiatan an dakwah dapat menyentuh pada *mad'u*, seterusnya mengubah perilaku *mad'u* ke arah yang lebih baik sebagaimana dimaksudkan daripada tujuan dakwah itu sendiri. Justeru, dalam hal ini, mahasiswa dituntut untuk lebih berperanan ke arah perubahan yang lebih baik kerana mahasiswa ialah agen perubahan serta bertindak sebagai mekanisme kawalan dalam memimpin negara pada masa hadapan.

Rujukan

1. Abdul Halim Hj. Mat Diah. (1989). *Islam dan Demokrasi Pendidikan*. Kuala Lumpur: ABIM.
2. Abdul Rahman, H., Mahmood, N., Hasnaa, N., Omar, R., Abdul Patah, S., Shaari, R., & Suriani, L. (2006). Kajian kesedaran mahasiswa terhadap peranan dan tanggungjawab Majlis Perwakilan Pelajar MPP sebagai wakil pelajar di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
3. Ahmad Ghalwash Ahmad. (1987). *Al-Dakwah al-Islamiyyah Usuluha wa Wasailuha*, Kaheerah: Dar al-Kitab al Misr.
4. Ahmad Sahlan Abdul hatim, Rosmawati mohamad Rasit. (2015). *Hubungan aktiviti dakwah melalui kesenian terhadap penerapan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar sekolah*. Al-Hikmah, 7(1), pp.132-148. ISSN 1985-6822.
5. Bayanuni, Muhammad Abu al-Fath al-Bayanuni. (1995). *Al-Madhal Ila Ilm Al-Dakwah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
6. Berita Harian. (2014). Laporan Khas Apr : Kuala Lumpur.
7. Buletin Busyra. (2015). Laporan Buletin YADIM : Kuala Lumpur.
8. Bushral Huda Abd Manan Muhamad Faisal Ashaari. (2014). Konsep Nilai Guna dalam Penilaian E-Masjid: Tinjauan Awal . *ISLAMIYYAT*, 36(2), pp 15 – 26.
9. Fariza Md Sham. (2006). *Dakwah dan kaunseling di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
10. Hamidah Ab Rahman, Nik Hasna, Rozieyta, Salwa, Roziana dan Lily Suriyani. (2004). Kajian Kesedaran mahasiswa terhadap peranan dan Tanggungjawab Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di UTM Skudai. UTM Skudai
11. Hammam Said. (2013). *Asas-asas berdakwah ke jalan Allah*. Seri Kembangan : JK Tarbiyah Pertubuhan IKRAM Malaysia.
12. Hussein Hj. Ahmad dan Haneza Abdul Hamid (2015). *Jurnal Kepimpinan pendidikan Fakulti Pendidikan*. Oktober 2015, Bil 2, ISU 4. Universiti Malaya
13. Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan Ed. ke-7*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
14. Mohamad Zaki Bin Hamid. (2004). *Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pelajaran Selangor: Kajian tentang Pelaksanaan Program Dakwah dan Keberkesannya*. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya.
15. Muhammad bin Hashim. (2013). *Aktiviti dakwah terhadap Saudara Baru di JAWI Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana, universiti Malaya.
16. Mohd Sobri bin Ismail. (2009). *Metodologi Dakwah kepada DSaudara Baru di PERKIM Kelantan: Kajian mengenai keberkesannya*. PhD Universiti Malaya.
17. Norsiah Sulaiman, S. Salahuddin Suyurno & Fairuzah. (2004). *Pendidikan Islam: Tinjauan Metodologi Silam dan Realiti Hari Ini*. Kertas Kerja International Seminar on Islamic Thought Proceedings. Universiti Kebangsaan Malaysia.
18. Nabilah Hashim. (2012). *Peranan Pendekatan Pembelajaran sebagai Pengantara hubungan antara keberkesanan pengajaran guru dengan pemikiran kritis dan kemahiran Insaniah*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Utara Malaysia.
19. Rosmida Abdul Rahman. (1999). *Kembalikan Student Power*. Majalah Tamadun, November 1997, ms56.
20. Sofean Hussin. (2002). *Dasar pembangunan pendidikan Malaysia: Teori dan Analisis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
21. Sofean Hussin, Hashim Yaacob dan Aziah Ismail (2008). *Agenda Pembangunan Universiti Awam Di Malaysia: Kesamaan dan Perbezaan Tindakan*. Jurnal Pendidik dan pendidikan, Jil. 23, 1-27.
22. Zainab Ismail, Salasiah Hanin Hamjah, Rosmawati. (2010). *Isu Dakwah Masa Kini*. Fakulti Pengajian Islam UKM
23. Zulkefli Aini. *Pendakwah perlu guna bahasa mudah difahami*. (2004, November 5). *Berita Harian*.
24. Zulkefli Aini. *Dakwah berhemah lebih berjaya pikat pendengar*. (2004, November 6). *Berita Harian*.
25. Zulkefli Aini dan S. Salahudin Suyurno. (2012). *Asas Komunikasi Dakwah*. Bandar Seri Putra: Jabatan Dakwah dan Pengurusan Akademik Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
26. Versey, L.R. (1965). *The emergence of the American University*. Chicago. The Universiti of Chicago Press.